



PBMSK

sumbang kerusi untuk kemudahan pelajar sekolah

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyampaikan sumbangan sebanyak 72 kerusi untuk digunakan pelajar di empat lokasi iaitu Pusat Pengajian Tahfiz Mahad Bahasa & Ilmu Al Quran (MABIQ), Sekolah Rendah Ibnu Abbas, Pertubuhan Kebajikan Darul Nisa dan Sekolah Kebangsaan Panching Selatan.

Majlis penyerahan sumbangan disampaikan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan) PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab kepada wakil penerima sumbangan bersempena Program Khidmat Masyarakat anjuran PBMSK dan Waja Performance Club (WPC) pada 25 Mei 2013 yang lalu.

"Program ini memberi makna yang mendalam kepada pelajar terutamanya di MABIQ dalam menuntun ilmu keagamaan. Malah, program kerjasama ini memberi peluang dalam kalangan staf UMP dan pihak luar untuk menghulurkan sumbangan serta mengeratkan silaturahim bersama pelajar di sini," katanya di MABIQ Pantai Sepat Kuantan.

Beliau yakin bahawa masa depan anak-anak ini banyak bergantung kepada apa yang mereka pelajari. Dalam usaha membentuk masa depan yang lebih cemerlang adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai hamba Allah untuk membantu

mereka yang memerlukan.

Pengurus MABIQ, Ustaz Jamaluddin Abdul Jabbar menghargai sumbangan dan sokongan yang diberikan banyak pihak atas keprihatinan masyarakat dalam menghulurkan bantuan para pelajar di sini bagi mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggung dalam menguruskan pusat ini.

Turut diadakan program bergotong-royong mengecat bangunan, aktiviti riadah dan perlawanan bola sepak dengan berkain sarung. Majlis turut dihadiri kira-kira 100 pelajar, 25 keluarga ahli Kelab WPC sekitar Kuantan dan Terengganu serta warga UMP.

Bagi pelajar MABIQ, Mohamad Hafiz Rozali, 17 yang berasal dari Marang, Terengganu melahirkan perasaan gembira apabila berpeluang bertemu dengan masyarakat yang kerap berkunjung ke pusat pengajian ini.

Manakala pelajar tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Chen Chee Fong, 24 berbangga kerana dapat membantu dalam menghulurkan tenaga, masa dan kerjasama walaupun berlainan bangsa dan agama.

Majlis turut dihadiri pensyarah PBMSK, Ustaz Abdul Kamil Jamaludin, Pengarah, Badrul Naim Abidin dan Ketua WPC, Amin Zahari.



Program kerjasama ini memberi peluang dalam kalangan staf UMP dan pihak luar untuk menghulurkan sumbangan serta mengeratkan silaturahim bersama pelajar di sini.